

14/09/2002

Pendeklamator UiTM johan Sayembara Merdeka

Abdul Jalil Ishak

PENDEKLAMATOR berperwatakan ala pahlawan Melayu bersuara parau dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), diisytihar johan Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Kemerdekaan 2002, di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), baru-baru ini.

Selain menampilkan watak pahlawan, Muhammad Shahrin Haron, menunjukkan persembahan bersahaja dan sesekali menggetarkan jiwa audien apabila bait-bait puisi yang dibaca dengan nada seorang wira.

Muhammad Shahrin menewaskan sebelas peserta lain yang masing-masing mewakili beberapa universiti tempatan, termasuk Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Kolej Universiti Sains & Teknologi, Kolej Universiti Islam Malaysia

Tempat kedua jatuh kepada Mariani Ali Amran dari USM. Tempat ketiga pula dimenangi peserta dari UM, Mohd Anuar Jamil. Sayembara kali ini dihakimi tiga tokoh penyair Dr Ahmad Razali Yusof, A Rahim Abdullah dan T Alias Taib.

Pemilihan UPSI sebagai tuan rumah sayembara amat bersesuaian memandangkan universiti perguruan tertua itu sedang menyambut Perayaan ke-80 tahun. Justeru perkampungan anak-anak seni ke universiti itu yang dulunya dikenali sebagai 'Sultan Idris Training College for the Malay Teachers' (SITC) bagaikan sirih pulang ke gagang.

Satu ketika dulu, nama SITC sentiasa bermain di bibir peminat puisi, khasnya sajak yang dihasilkan pelajar-pelajar SITC sendiri, seperti Masuri S N, Yassin Makmur dan beberapa tokoh sudah mengukir nama di persada seni, baik seni sastera mahupun seni pentas.

Berucap di majlis perasmian, Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohammad Noor Salleh, berkata UPSI berbangga dipilih menjadi tuan rumah sayembara.

"Penghormatan ini sungguh bererti bagi kami kerana sepanjang tahun ini, seluruh warga kampus sedang merayakan sambutan ke-80 penubuhan SITC-MPSI-IPSI-UPSI.

"Saya yakin pendeklamator yang turun ke gelanggang akan menterjemahkan bait-bait puisinya dengan berkesan untuk dihayati khalayak," katanya.

Sepanjang pertandingan dijalankan, suasana Dewan SITC kadang kala dipenuhi hiruk pikuk hasil celoteh mesra juruacara prolifik, Mohd Rosli Saludi, . penyair yang terkenal dengan terombanya.

Mohd Rosli menyusun kata penuh bermakna, menyebut dengan lidah lembut, terus bermadah, sekali gus memukau penonton dengan pembicaraan menggunakan kata-kata hikmat berirama hingga menggamatkan dewan.

Orang tua meninggalkan pesan  
negarakan hancur jika  
dalam mesyuarah berbantah-bantah  
Dalam keramaian cacat mencacat  
Sesama keluarga laga melaga  
Sesama kawasan makan memakan  
Sesama sahabat sebat menyebat  
Sesama bangsa paksa memaksa.

Kehangatan Dewan SITC belum lagi reda, apabila seorang lagi pendeklamator yang sedang meningkat, juga seorang pensyarah di situ, Abdul HalimAli, diberi peluang mendeklamator syaer 'Citra luka Pejuang Bangsa', iaitu kisah lanjutan puisi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad 'Perjuangan Yang Belum Selesai'. Abdul Halim membilang kata

dengan citra pendek:

Cerita yang tidak pernah berpenghujung terus merakam denyutan perit kesengsaraan yang terpental pada roda kehidupan bangsa di tanah air tercinta.

Bermula dari kerdipan mata yang leka terlukis citra bangsa yang luka kemudian menitilah keperitan di antara arus deras yang menghempas mengalirkan sungai kehidupan ke muara permusuhan.

Api penjajahan yang menyala membakar catatan sejarah tentang kelembutan kita menyambut pendatang kemanisan tutur kata menurut bicara kesopanan bangsa menatang kehidupan berbilang.

Malam Nostalgia SITC turut mempersembahkan pelbagai aktiviti kebudayaan lain, termasuk tarian zapin, tarian Puteri Gunung Ledang dan persembahan Dikir Barat.

Pengerusi Sayembara Dr Alias Mohammad Yatim, menyifatkan kegiatan berpuisi di universiti itu merupakan wadah pengisian misi dan visi universiti itu ke arah menjana kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

Patah galah bertongkat kaki  
Patah kaki bertongkat lutut  
Patah lutut bertongkat siku  
Patah siku bertongkat kuku  
Patah kuku bertongkat sayap  
Patah sayap bertongkat paruh,  
Patah paruh bertongkat dagu  
Namun daki tetap ku daki.